

Headline	Kekalkan hutan, pulih iklim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,102
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,306



# Kekalkan hutan, pulih iklim

FRIM mahu orang ramai terus hargai hutan untuk kekal sihat

UNGGSI hutan sememangnya sangat penting dan telah diketahui ramai dalam kalangan masyarakat hari ini.

Membekalkan oksigen, penyimpan karbon utama, pembekal sumber air yang bersih, tumbuhan herba, biodiversiti flora dan fauna serta pelbagai lagi.

Namun, entah di mana silapnya, hutan terus dieksploitasi secara rakus kerana sifat tamak haloba segelintir daripada kita yang mementingkan diri.

Menyedari masyarakat perlu terus disedarkan tentang peri pentingnya hutan dikekalkan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah meraikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) 2015 Peringkat FRIM bersama masyarakat baru baru ini.

Ketua pengarahnya, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, pekekalan hutan adalah amat penting bagi mengurangkan kesan perubahan iklim.

"Hutan memberi kita oksigen, air, kekayaan, serta menyejukkan persekitaran kita.

"Jika hutan kita tidak sihat, maka kita semua akan menjadi tidak sihat. Hargai dan jagalah khazanah kita ini," ujarinya pada majlis tersebut di Kepong, Selangor baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar (NRE), Datuk Dr. Abdul Rahim Nik, bagi mewakili timbalan menterinya, Datuk Seri Dr. James Dawos Mamit.

Dalam ucapan yang dibacakan oleh **Dr. Abdul Rahim**, Dr. James Dawos berkata, tema peringkat antarabangsa sambutan IDF 2015 ini bertepatan untuk memberi penekanan terhadap hubungan hutan

Headline	Kekalkan hutan, pulih iklim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,102
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,306

dengan perubahan iklim.

Malah katanya, keperluan mendapatkan sokongan yang

padu daripada semua pihak dalam melaksanakan aktiviti dan program yang menjurus ke arah perubahan positif kepada alam sekitar.

Beliau berkata, kementerian berharap agar agenda tersebut dapat diterjemahkan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang akan bermula pada tahun hadapan.

“Kita sedia maklum tentang kepentingan hutan berupaya untuk menyerap lebih 25 peratus karbon dioksida di atmosfera.

“Malah, turut diakui di peringkat antarabangsa bahawa pengurangan pelepasan karbon dioksida melalui sektor

perhutanan adalah lebih kos efektif berbanding sektor-sektor lain,” katanya.

FRIM menyimpan kira-kira 120,000 tan karbon yang kebanyakannya disumbang oleh pokok dan tumbuhan yang terdapat di sekitar kawasan tersebut.

“Simpanan karbon ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kestabilan alam sekitar terutama dalam menangani isu pembebasan gas rumah hijau serta fenomena perubahan iklim semasa.

“Selain itu, FRIM juga bekerjasama dengan pelbagai agensi dari dalam dan luar negara dalam menjalankan penyelidikan berhubung impak perubahan iklim terhadap ekosistem hutan

termasuk hidupan liar, serta membantu pembentukan pelan tindakan mitigasi terhadap perubahan iklim yang diterajui

oleh NRE,” katanya.

Sehingga kini, FRIM merupakan satu-satunya institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) hutan tropika menyumbang kepada komitmen tersebut menerusi pemeliharaan hutan buatan manusia di kampus FRIM serta pemuliharaan kawasan terosot di seluruh negara melalui aktiviti penanaman pokok.

Hutan FRIM kini merupakan salah satu model penghutanan semula yang berjaya serta digazetkan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara dan Warisan Kebangsaan.

Kehijauan kampus FRIM juga membuktikan bahawa tidak terlambat untuk menghijaukan semula kawasan terosot melalui penanaman pokok.

Pada program tersebut seramai 300 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat telah melibatkan diri dalam acara menanam pokok dan menyertai aktiviti lain seperti pertandingan kolaj serta mewarna, *amazing race* dan pembersihan sungai.

Sebanyak 200 anak pokok tualang (*Koompassia excelsa*) dan buluh madu (*Gigantochloa albociliata*) yang disediakan oleh FRIM telah ditanam.

Lebih istimewa, sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2015 pada tahun ini adalah bersamaan dengan ulang tahun ke-30 penubuhan institut tersebut.

Pada majlis yang sama, FRIM turut melancarkan setem khas dengan keluaran terhad yang dikeluarkan sempena Hari Ulang Tahun ke-30 FRIM dan buku terbitan baru yang bertajuk, *Tropical Forest Fruits, Seeds, Seedlings and Trees* hasil tulisan bekas Timbalan Ketua Pengarah FRIM dari tahun 1986 hingga 1990, Dr. Francis Ng.

## FAKTA




Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF) 2015 Peringkat FRIM diadakan pada 23 Mac setiap tahun

Sambutan kali ini adakan sempena ulang tahun penubuhan FRIM ke-30

Tema sambutan adalah *Hutan dan Perubahan Iklim* yang melibatkan orang ramai dalam aktiviti penanaman pokok dan usaha pemuliharaan hutan.

FRIM telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Oktober 1985.



DR. ABD. LATIF MOHMOD



DR. ABDUL RAHIM NIK

Headline	Kekalkan hutan, pulih iklim		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	18	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	707 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,102
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,306



**AKTIVITI** menanam pokok antara program sambutan Hari Hutan Antarabangsa di FRIM Kepong baru-baru ini.



Oleh **ASHRIQ FAHMY AHMAD**  
 ashriq.ahmad@utusan.  
 com.my

